

01 AUG 1997

Pakistan-Malaysia (Dengan Gambar)

PAKISTAN MEMULAKAN DASAR PANDANG KE TIMUR

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif berkata negaranya telah memulakan "Dasar Pandang ke Timur" untuk meningkatkan interaksi dengan rantau Asia Timur.

Sambil mengakui peranan penting Malaysia dalam kecemerlangan Asia Timur, beliau berkata Pakistan juga ingin membuat sumbangan membina kepada pelbagai forum di rantau ini.

"Asia Timur sudah muncul, ekor pertumbuhan yang menakjubkan, sebagai tunggak ketiga di mana struktur era pasca Perang Dingin akan dibina," katanya pada jamuan malam meraikannya oleh rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana di sini malam ini.

Pemimpin Pakistan itu tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga ke Malaysia bertujuan mengukuhkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Sambil menggambarkan hubungan Pakistan-Malaysia sebagai erat, Nawaz mahu kedua-dua negara membina hubungan yang lebih mantap atas dasar persepsi bersama yang kukuh.

Beliau menjemput sektor korporat Malaysia supaya menjadi rakan kongsi Pakistan dalam pembangunan negara itu.

Katanya, dasar-dasar ekonomi yang liberal dan insentif menarik telah menjadikan Pakistan sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan.

"Kerajaan saya telah melancarkan program Wawasan 2010 untuk mencapai sasaran ekonomi kami," katanya.

Pakistan mempunyai infrastruktur yang baik, bahan mentah yang banyak, buruh yang mahir, pangkalan industri dan pasaran yang besar, katanya.

Nawaz berkata kejayaan Malaysia dari segi ekonomi dihasilkan oleh kepimpinan negara ini dan komitmennya dalam memenuhi harapan rakyat.

Katanya kestabilan politik juga mencetuskan suasana bagi pertumbuhan ekonomi dan telah mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mantap dan bertenaga.

Beliau yakin Malaysia dapat mengatasi sebagai cabaran yang dihadapi pada masa akan datang.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Begum Kulsoom serta beberapa menteri dan ahli perniagaan dari kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MNY AKD